

04/12/2001

Rakyat mundur jika Pas terus perintah Kelantan

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

BH: Bagaimana saudara menilai sokongan rakyat Kelantan terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) ketika ini?

RUJIHAN: Saya perhatikan sejak akhir-akhir ini ada perubahan positif yang menunjukkan sokongan rakyat terhadap Umno dan BN semakin bertambah. Sudah tentu, perubahan ini disebabkan kegagalan kerajaan negeri pimpinan Pas menangani beberapa isu, terutama isu pindaan perlembagaan membabitkan pihak istana. Selain itu, kerajaan Pas juga dilihat masih teraba-raba dalam isu negara Islam yang ingin diperjuangkan. Malah, kepemimpinan Pas semakin gelabah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan Malaysia ialah sebuah negara Islam baru-baru ini.